

NO. SOALAN: 472

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10139

SOALAN :

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah menjadi Standard of Procedure (SoP) bagi jenazah yang meninggal di rumah terpaksa dibawa ke hospital untuk pengesahan kematian kerana hal ini menyukarkan pihak keluarga yang terpaksa menanggung kos penghantaran terutama yang tinggal jauh daripada hospital.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila PDRM dimaklumkan tentang kematian yang berlaku di mana-mana tempat, PDRM akan menjalankan siasatan untuk mengesahkan punca kematian tersebut sama ada kematian tersebut adalah secara biasa atau sebaliknya. Jika dalam siasatan PDRM mendapati kematian tersebut merupakan kematian mengejut atau luar biasa atau disebabkan oleh kekerasan atau kematian di bawah keadaan yang dijangkakan atau mayat seseorang dijumpai walaupun sebab kematian tidak diketahui, kertas siasatan Mati Mengejut (LMM) di bawah Seksyen 330 Kanun Prosedur Jenayah akan dibuka untuk mengetahui punca sebenar yang menyebabkan kematian tersebut. Adalah menjadi kewajipan untuk membuat prosedur bedah siasat seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 329 Kanun yang sama. Prosedur sedemikian diperlukan memandangkan PDRM tidak mempunyai bidang kuasa bagi menentukan sebab-sebab kematian seseorang.

Manakala bagi kematian yang berlaku di rumah dan tidak diketahui punca kematiannya, PDRM akan membawa mayat tersebut ke hospital untuk tujuan bedah siasat. Prosedur atau Standard Operating Procedure (SOP) ini telah digariskan dalam Kanun Tatacara Jenayah dan juga dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN).

SOALAN (473)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]

SOALAN :-

YB. Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembangunan prasarana dan fasiliti bomba dan penyelamat di Kuala Nerus.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengemukakan permohonan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Nerus kepada agensi pusat dalam Rancangan Malaysia ke-11, Rolling Plan ke-3 tahun 2018. Tapak balai bomba tersebut terletak di Mukim Batu Rakit berkeluasan 2.1336 hektar. Sekiranya permohonan tersenarai, pembinaan dijangka bermula pada Mei 2018 dan siap pada Jun 2020.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI**

SOALAN : NO. 474

Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan perkembangan semasa pembinaan Hospital Pengajar UniSZA serta nyatakan tarikh dijangka siap dan punca- punca kelewatannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) telah diluluskan pelaksanaannya dengan kapasiti 400 buah katil dan projek ini akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa 1 melibatkan pembinaan untuk kapasiti 200 buah katil termasuk kerja-kerja infrastruktur dengan kos sebanyak RM345 juta. Fasa 2 pula akan melibatkan pembinaan bagi kapasiti 200 buah katil lagi dengan kos sebanyak RM255 juta.

Tarikh masuk tapak atau projek telahpun dimulakan oleh pihak kontraktor pada 21 Mac 2016. Sehingga 30 Jun 2017, status kemajuan kerja-kerja fizikal telah mencapai 5.54%. Projek ini dijangka siap pada bulan November 2019.